



## **MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR**

### **IKLAN JAWATAN**

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia keutamaan kepada rakyat negeri Kedah Darul Aman** yang berkelayakan serta berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut :

#### **A. JAWATAN**

<b>BIL</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>GRED</b>	<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>TARAF JAWATAN</b>	<b>JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM</b>
<b>1</b>	Penolong Jurutera	JA29	Kejuruteraan	Bersepadu	Tetap / Kontrak	1,549.00 - 5,701.00
<b>2</b>	Penolong Pegawai Seni Bina	JA29	Kejuruteraan	Bersepadu	Tetap / Kontrak	1,549.00 - 5,701.00
<b>3</b>	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)	N19	Pentadbiran Dan Sokongan	Pelaksana	Tetap / Kontrak	1,352.00 – 4,003.00
<b>4</b>	Pembantu Awam	H11	Kemahiran	Pelaksana	Tetap / Kontrak	1,218.00 - 2,939.00

#### **B. SYARAT LANTIKAN :**

##### **1. PENOLONG JURUTERA GRED JA29**

- (i) Sijil dalam bidang Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM 1,549.00) ; **atau**

- ( ii ) Diploma dalam bidang Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM 1,935.02)
- ( iii ) Bagi memenuhi syarat kelayakan Bahasa Melayu, calon lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
\*calon boleh mencetak kelulusan melalui sistem eSisraf jpa.

## **2. PENOLONG PEGAWAI SENI BINA GRED JA29**

- ( i ) Sijil dalam bidang Seni Bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
( Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM 1,549.00 ) ; **atau**
- ( ii ) Diploma dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM 1,935.02)
- ( iii ) Bagi memenuhi syarat kelayakan Bahasa Melayu, calon lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
\*calon boleh mencetak kelulusan melalui sistem eSisraf jpa.

## **3. PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI) GRED N19**

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); **atau**
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); **atau**
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80); **atau**
- (vi) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil

Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **4. PEMBANTU AWAM GRED H11**

- ( i ) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00);
- ( ii ) Bagi memenuhi syarat kelayakan Bahasa Melayu, calon lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang - kurangnya Gred C ) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **C. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **D. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Calon-calon yang dilantik adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

#### **E. CARA PERMOHONAN**

- i. Pemohon **hendaklah** menggunakan Borang Permohonan Jawatan Majlis Bandaraya Alor Setar yang boleh didapati dengan **memuat turun** melalui Laman Web Rasmi MBAS di <https://pbt.kedah.gov.my/index.php/peluang-kerjaya-mbas/>.
- ii. Borang permohonan jawatan yang lengkap diisi beserta dengan salinan dokumen perlu dihantar menggunakan sampul surat berukuran saiz A4 ke alamat:

**DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR  
JALAN KOLAM AIR, 05675 ALOR SETAR, KEDAH.**

- iii. Tiada sebarang caj bayaran dikenakan kepada pemohon jawatan MBAS.
- iv. Borang permohonan jawatan boleh diserahkan di kaunter Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 11, Menara MBAS, Jalan Kolam Air, Alor Setar Kedah.

- v. Nama jawatan dan gred yang dipohon hendaklah dinyatakan di kiri sebelah atas sampul surat permohonan.
- vi. Satu borang permohonan jawatan hanya untuk satu jawatan yang dipohon sahaja.
- vii. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen berikut ;
- Gambar berukuran pasport
  - Kad pengenalan
  - Sijil kelahiran
  - Sijil-sijil persekolahan dan pusat pengajian tinggi
  - Transkrip keputusan peperiksaan
  - Lain-lain dokumen sokongan( sekiranya perlu )

**Salinan Dokumen Tidak Perlu Pengesahan Salinan Sebenar .**

- viii. Permohonan dari pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 17 Bab A 2005 dan hendaklah disertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemaskini serta Laporan Penilaian Prestasi Tahunan terkini.
- ix. **Borang permohonan jawatan seperti berikut akan ditolak ;**
- Pemohon tidak memenuhi syarat-syarat skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon.
  - Borang permohonan tidak lengkap diisi oleh pemohon. Pemohon diminta mengisi dengan lengkap semua ruangan yang disediakan pada borang permohonan jawatan MBAS.
- x. Hanya calon-calon yang berjaya dalam tapisan awal akan disenarai pendek untuk sesi ujian dan temuduga. **CALON YANG BERJAYA AKAN DIMAKLUMKAN MELALUI E-MAIL, SURAT ATAU PANGGILAN TELEFON.**
- xi. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
- xii. Iklan perjawatan ini boleh dirujuk dengan melayari laman web rasmi MBAS di <https://pbt.kedah.gov.my/index.php/pejuang-kerjaya-mbas/> sepanjang tempoh pengiklanan jawatan.
- xiii. Tarikh Tutup Permohonan : **30 MEI 2022**